

Teks Ucapan  
**Y.B. DATUK HAJI FADILLAH YUSOF**  
MENTERI KERJA RAYA  
Sempena  
**MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA [ABM]**  
**WILAYAH SELATAN**

28 Mei 2013

**Salutations & Penghargaan**

Yang Berbahagia

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim

Yang Berbahagia

Dato' Haji Obet Bin Tawil

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim

Yang Berusaha

Encik Ismail Ibrahim

Ketua Pegawai Eksekutif Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Yang Berbahagia

Dato' Dr. Emel Faizal bin Dato' Mohd Mokhtar

Ketua Eksekutif Yayasan Felda

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi CIDB, CIDB Holdings dan ABM

Dif dif Kenamaan dan jemputan, para graduan, ibu bapa, alumni ABM, rakan media dan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

***Assalamualaikum      Warrahmatullahi      Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.***

Terlebih dahulu, izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir ke Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia [ABM] – Wilayah Selatan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada CIDB Malaysia dan Akademi Binaan Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatial dua kata pada majlis yang berbahagia ini.

1. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Datuk Seri Khaled Nordin kerana sudi hadir bagi merasmikan majlis yang penuh bermakna ini dan juga menyampaikan sijil kepada para belia yang telah tamat latihan kemahiran di Akademi Binaan Malaysia.

### **Maklumat Majlis Graduasi**

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Hari ini kita akan melihat seramai 427 pelatih-pelatih ABM yang telah tamat menjalani pengajian di dalam pelbagai bidang dan akan menerima Sijil Kecekapan Kemahiran masing-masing.
3. Saya diberitahu bahawa pelatih-pelatih di ABM Wilayah Selatan ini bukan sahaja datang dari sekitar Johor Bahru, tetapi juga meliputi daerah-daerah seluruh negeri Johor dan Negeri Sembilan. Saya kagum dengan kegigihan dan kesanggupan saudara saudari meninggalkan keluarga dan kampung halaman demi menuntut ilmu dan menimba kemahiran bagi mengubah nasib dan mencorak masa hadapan yang lebih terjamin.
4. Saya juga amat berbesar hati kerana hari ini saya berpeluang untuk berjumpa sendiri dengan pelatih dan alumni ABM di Wilayah Tengah ini dan menyampaikan Sijil Graduasi dan berkongsi pengalaman dan kisah-kisah kejayaan yang dicapai oleh saudara saudari sekalian.

### **Akreditasi Pekerja Mahir**

5. Di samping itu saya juga dimaklumkan bahawa pada majlis ini, enam Akademi Binaan Malaysia akan menerima sijil

pengiktirafan sebagai pusat akreditasi CIDB. ABM sebagai pusat akreditasi akan mengakredit kemahiran pekerja-pekerja binaan untuk memastikan mereka mencapai standard minima yang disyaratkan. Ini amat penting sebagai persediaan ke arah mewajibkan pekerja mahir diakrediti sebelum mereka dibenarkan bekerja di tapak bina, apabila Akta 520 Lembaga Industri Pembinaan diwartakan perlaksanaannya kelak.

### **Pertumbuhan Industri Pembinaan Negara**

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. Kita sedia maklum, tahun 2012 telah merekodkan kadar pertumbuhan industri pembinaan yang sangat memberangsangkan iaitu 18.5% dengan keseluruhan nilai projek sebanyak RM 120 billion.
  
2. Untuk tahun 2013, kerajaan menjangkakan prestasi baik ini akan berterusan memandangkan pelbagai projek mega telah diumumkan dan sedang giat berlangsung. Ini terbukti dengan pencapaian kadar pertumbuhan industri pembinaan sebanyak 14.7 peratus berbanding kadar pertumbuhan 4.1 peratus bagi keseluruhan ekonomi negara. Keseluruhan nilai projek pembinaan 2013 adalah dijangka bernilai RM 110 bilion. Adalah dijangkakan, pertumbuhan sektor pembinaan kekal mampan kerana disokong 52 projek berimpak tinggi di bawah

Rancangan Malaysia Ke Sepuluh yang dianggarkan bernilai RM 230 billion.

3. Kerancakan aktiviti pembangunan ekonomi ini juga jelas kelihatan di negeri Johor khususnya di wilayah Iskandar, yang di dukung oleh industri berkaitan perkhidmatan, minyak dan gas serta pembuatan yang telah berjaya menarik pelaburan terkumpul berjumlah RM111.37 bilion semenjak tahun 2006 hingga Mac 2013. Ini termasuk projek Rapid Penggerang Johor yang bernilai RM 60 billion.
4. Secara keseluruhannya, pembangunan di Wilayah Iskandar dan sekitarnya dijangka akan menghasilkan RM279.9 bilion jumlah Pendapatan Kasar Negara dan menjanjikan sebanyak 1.43 juta peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor menjelang tahun 2025. Pembangunan ini dijangka akan mampu memacu peningkatan ekonomi Johor pada kadar purata 8% setahun.

### **Kolaborasi Latihan Di Antara Pelbagai Agensi Dan Pihak Berkaitan**

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Pembangunan negara yang kian rancak ini memerlukan ramai tenaga kerja bermahiran tinggi dalam menjamin mutu kerja setaraf dengan negara-negara maju.

7. Dalam hubungan ini, usaha yang dijalankan oleh ABM melatih belia serta personel binaan di dalam bidang seperti kimpalan, pemasangan perancah atau Scaffolding, pembinaan rel, pendawaian dan sebagainya adalah amat relevan.
8. Saya dimaklumkan ABM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Yayasan FELDA, termasuk kontraktor tempatan dan multinasional khususnya di dalam aspek penyediaan latihan berimpak tinggi. Syabas, saya ucapkan.
9. Pada pagi ini kita dapat melihat hasil kerjasama tersebut telah membawa hasil yang membanggakan. Yayasan FELDA telah menaja seramai 100 orang pelatih di dalam bidang kimpalan di bawah The Welding Institute (TWI), manakala IRDA telah memilih 60 orang pelatih untuk menjadi perintis projek Pinewood Iskandar Malaysia Studio. Selain daripada itu seramai 100 orang pelatih pula yang berpeluang menjalani latihan dalam industri bersama 20 syarikat kontraktor tempatan. Saya menggesa penggiat industri lain juga mengambil langkah yang sama untuk memberi pendedahan industri kepada para pelatih binaan tempatan dan seterusnya menyerap mereka sebagai pekerja mahir di dalam tred berkaitan.

10. Inilah yang saya inginkan berlaku di ABM seluruh negara di mana pelatih kita menjadi aset yang penting dalam pembangunan setempat dan mampu mendapat pendapatan yang setimpal dengan kemahiran dan pengalaman mereka.
11. Syabas kepada ABM Selatan, TWI, Yayasan Felda, IRDA yang telah memberikan satu kolaborasi yang sangat mantap.
12. Saya pasti jalinan seperti ini akan dapat memberi impak positif ke arah pembangunan negara dengan cara yang lebih efektif dan di dalam skala yang lebih besar. Saya sangat mengalu-alukan kolaborasi seumpama ini dan menyarankan usaha berterusan dibuat oleh ABM dan badan induknya **CIDB Holdings** untuk mendapatkan lebih banyak program tajaan di bawah program pembangunan belia seperti **Say1M** (Strategic Action Youth 1Malaysia) di bawah Kementerian Kewangan dan **Latihan Kemahiran bagi Belia Luar Bandar** di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

### **Kemudahan Latihan dipertingkatkan**

13. Pada masa yang sama, **Kementerian Kerja Raya** melalui CIDB akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan para belia tempatan dalam bidang kemahiran pembinaan terkini berserta pengalaman industri yang menepati standard antarabangsa.

14. Antara usaha yang dijalankan adalah mempertingkatkan kemudahan latihan dengan menggunakan teknologi terkini seperti simulator untuk kimpalan dan pengendalian jentera berat, serta menambah bilangan jentera-jentera berat pembinaan bagi tujuan latihan. Ini bagi memastikan para belia kita lebih efektif dan kompetitif di dalam pelbagai projek pembangunan infrastruktur negara di masa hadapan.

### **KOMITMEN CIDB, ABM DAN PELATIH**

Datuk-datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

15. Untuk melengkapkan kitaran latihan kemahiran yang dijalankan, saya menyeru agar lebih ramai golongan majikan tampil kehadapan bersama-sama CIDB dan ABM di dalam usaha **mengutamakan** pengambilan anak tempatan untuk memenuhi peluang-peluang pekerjaan yang begitu banyak di Johor ini khususnya dan di serata negara amnya.

16. Kementerian akan terus memberi komitmen untuk memastikan latihan kemahiran dalam pembinaan akan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa, dan ABM akan terus dijadikan sebagai platform untuk melaksanakan program latihan ini.

17. Untuk membolehkan lebih ramai para belia dan personel binaan dilatih, CIDB telah mengorak langkah untuk bekerjasama dengan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di mana bermula pada tahun ini, sebanyak 17 program latihan berimpak tinggi akan ditawarkan secara pinjaman dengan PTPK. Latihan dalam bidang pembinaan berimpak tinggi akan memberi jaminan pekerjaan dengan pendapatan yang lebih lumayan.

18. Adalah diharapkan dengan inisiatif-inisiatif baru ini, bilangan dan kualiti latihan belia dan personel binaan yang dilaksanakan di seluruh negara dapat dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir industri pembinaan Negara, secara tidak langsung ianya diharap dapat mengurangkan pergantungan Negara kepada tenaga kerja asing.

Datuk-datuk dan Saudara Saudari yang saya kasihi sekalian,

19. **Akhir kata**, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kegigihan dan kejayaan para pelatih sekalian. Diharap agar para pelatih semua akan terus maju dan berjaya dalam bidang yang diceburi dan sentiasa pro-aktif mencari peluang untuk meningkatkan kemahiran dan kerjaya masing-masing.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**